

## **PEMILIHAN BAHASA: PROSES PERALIHAN BAHASA MASYARAKAT ORANG ASLI CHE WONG**

*SA'ADIAH MA'ALIP*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*adia@ukm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Masyarakat Orang Asli terbahagi kepada tiga kelompok, iaitu kelompok Melayu-Proto, Senoi dan Negrito. Kelompok Senoi merupakan kelompok terbesar, diikuti oleh kelompok Melayu-Proto dan kelompok Negrito. Setiap kelompok terbahagi lagi kepada suku-suku kaum tertentu. Suku kaum Che Wong merupakan suku kaum bagi kelompok masyarakat kaum Senoi. Namun begitu masyarakat bahasa Che Wong mempunyai bilangan yang kecil. Kajian ini akan berkaitan dengan pemilihan bahasa masyarakat Che Wong dalam melihat proses peralihan bahasa. Kajian tertumpu di perkampungan Orang Asli Che Wong, Kuala Gandah. Analisis yang dibuat terhadap data yang diperoleh berfokuskan kepada pemilihan bahasa Che Wong dengan mengaplikasikan kaedah deskriptif menggunakan pendekatan analisis domain. Berdasarkan data yang telah diperoleh, ternyata masyarakat bahasa Che Wong masih cenderung memilih bahasa mereka dalam berinteraksi walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar antara mereka dengan masyarakat setempat. Fenomena ini merupakan suatu yang positif kerana sesuatu bahasa terutamanya bahasa masyarakat minoriti dapat dikekalkan.

**Kata kunci:** sosiolinguistik; pemilihan bahasa; peralihan dan pengekalan bahasa; Orang Asli; Che Wong

## **LANGUAGE CHOICE: THE PROCESS OF LANGUAGE SHIFT IN THE CHE WONG LANGUAGE COMMUNITY**

### **ABSTRACT**

The aboriginal communities are divided into three clusters, namely as Proto Malay, Senoi and Negrito. Senoi group is the largest group, followed by clusters of Proto-Malayo-Negrito groups. Each group was divided again in to certain tribes. Che Wong tribe is the tribe of the Senoi communities. However Che Wong language community has a smaller numbers. This study will to the choice of language in Che Wong society. The study focused on Aboriginal village of Che Wong, located in Kuala Gandah. An analysis of the data collected focused on the language choice of the Che Wong language community by applying descriptive domain analysis approach. Based on the available, it appears that Che Wong language community still tend to choose their language communications although Malay is the medium language between them and the local community. This is a positive phenomenon of the Che Wong language, especially for a minority language community to maintains their language.

**Keywords:** sociolinguistics; language choice; language shift and language maintance; the Aboriginal; Che Wong

## PENGENALAN

Perubahan dan kelajuan proses peralihan bahasa dalam sesebuah masyarakat khususnya yang dwi atau multi-bahasa banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti sosial, sejarah, demografi, linguistik, dan lain-lain. Menurut Weinreich (1953: 68), “Peralihan bahasa boleh ditakrifkan sebagai perubahan daripada penggunaan biasa daripada satu bahasa kepada bahasa yang satu lagi”. Proses peralihan bahasa dalam sejarah sesebuah masyarakat bahasa pasti mempunyai 'titik permulaan' dan 'titik akhir'. Kajian dalam masyarakat bahasa yang dijalankan kebanyakannya berdasarkan data linguistik yang dikumpul pada satu masa terhadap masyarakat, khususnya masyarakat minoriti tertentu sama ada masyarakat asli atau yang berhijrah. Kajian-kajian ini sentiasa memberi tumpuan kepada variasi yang sinkronik dalam pemilihan bahasa (Rubin, 1968; Fishman, Cooper & Ma, 1971; Gal, 1979; Li Wei, 1994). Selain ciri-ciri lain (gaya perubahan, perubahan dalam sikap bahasa, keupayaan bahasa minoriti, identiti, kesetiaan, dan lain-lain), perubahan dalam corak pilihan bahasa dengan jelas dapat menggambarkan peringkat atau tahap dalam proses peralihan bahasa. Sebagai contoh, Susan Gal (1979:153) menjelaskan proses peralihan bahasa dalam masyarakat Bahasa Hungary (Oberwart, Austria), yang mana beliau menunjukkan bahawa perbezaan umur dalam pilihan bahasa mencerminkan perubahan masa ke masa iaitu menggambarkan bahawa bahasa beralih dalam proses.

Selain itu, Li Wei (1994) dalam kajiannya terhadap pilihan bahasa dan peralihan bahasa yang dikajinya dalam masyarakat Cina Tyneside menyatakan bahawa beberapa faktor tambahan-linguistik telah diperhati dan kajian tersebut telah mendapati bahawa umur adalah faktor yang paling penting yang berkaitan dengan pilihan bahasa dan keupayaan bahasa. Namun begitu, Li Wei menekankan bahawa faktor umur sahaja tidak dapat memberitahu mengenai mekanisme sosial yang mendasari proses peralihan bahasa dengan jitu; sesungguhnya variasi dalam pilihan bahasa dan keupayaan bahasa menggambarkan perubahan yang berlaku dalam proses kitaran hayat dan bukan mengikut perubahan masa (Li Wei, 1994: 114-115).

Dalam proses peralihan bahasa dalam sesebuah masyarakat tutur, perbezaan umur penutur dengan jelas dapat mewakili proses peralihan bahasa. Kebanyakan penutur mempunyai kebolehan untuk menggunakan lebih daripada satu bahasa. Manakala Eckert (1997: 151) berpandangan bahawa umur turut diberi perhatian dalam peringkat kehidupan. Stratifikasi umur sebagai pembolehubah linguistik, boleh mencerminkan pemilihan dalam pertuturan sesebuah masyarakat bahasa kerana ia bergerak melalui masa (perubahan sejarah), dan perubahan dalam pertuturan individu pula seperti mana dia bergerak dalam kehidupannya.

Selaras dengan putaran kehidupan, faktor-faktor seperti sosial, ekonomi, perubahan politik abad ke-20 memberi kesan kepada pemilihan dan peralihan bahasa dalam sesebuah masyarakat bahasa seperti masyarakat Orang Asli, khususnya kaum Che Wong. Mengikut Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), masyarakat Orang Asli di Malaysia terbahagi kepada tiga kelompok utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Setiap kaum ini mempunyai suku kaum yang tersendiri. Suku kaum Che Wong merupakan suku kaum bagi kelompok masyarakat kaum Senoi. Kelompok masyarakat kaum Senoi ini merupakan kelompok Orang Asli yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Masyarakat Orang Asli kini telah diberi perhatian terutamanya daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Corak kehidupan masyarakat Orang Asli juga berubah seiring dengan pemodenan negara. Masyarakat Orang Asli ini turut berubah dalam pelbagai perkara seperti sosial, ekonomi, agama, politik dan juga bahasa. Walaupun begitu mereka masih juga dikatakan tidak mempunyai agama yang khusus dan tiada peraturan hidup dan dianggap sebagai bodoh, dan

tidak mahu menerima kemajuan malah ada yang mengatakan bahawa masyarakat ini hidup liar dan ganas (Er Ah Choy et al., 2010).

Kajian ini melihat proses peralihan bahasa melalui pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong di Kuala Gandah, Lanchang, Temerloh Pahang sahaja. Dalam kajian berkaitan dengan pemilihan bahasa dalam berkomunikasi, para ahli psikologi sosial telah melakukan pendekatan kajian komunikasi manusia dari berbagai sudut pandangan. Para ahli tersebut menyatakan bahawa bukan hanya faktor sosial yang perlu diambil kira melainkan faktor lainnya yang berhubungan dengan sumber daya psikologi yang mempengaruhi tindakan seseorang individu. Contohnya, keinginan seseorang individu untuk menunjukkan identiti dirinya melalui bahasa dapat menentukan pemilihan bahasa individu tersebut.

Pemilihan bahasa oleh seseorang penutur boleh berubah dan mudah pula disesuaikan dengan fungsi penggunaan sesebuah bahasa itu. Sehubungan dengan pemilihan bahasa berkaitan dengan proses peralihan sesebuah bahasa, setiap ahli masyarakat bahasa mempunyai pilihan yang berbeza terhadap bahasa yang ingin digunakan dan bakal menentukan hasil proses peralihan bahasa yang berlaku. Dengan itu pemilihan bahasa dapat menentukan sesebuah bahasa itu boleh terus kekal atau beralih dengan cepat kepada bahasa lain yang lebih dominan.

### **OBJEKTIF**

Kajian yang dijalankan di Kuala Gandah ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli Che Wong yang berkaitan dengan proses peralihan sesebuah bahasa. Selain itu, kajian ini dapat menunjukkan bahasa yang menjadi pilihan dalam komunikasi seharian dalam domain-domain sosial mereka.

### **METODOLOGI**

Dalam melaksanakan kajian pemilihan bahasa oleh masyarakat Orang Asli Che Wong yang berada di Kuala Gandah, Pahang seperti yang telah dinyatakan di atas, penentuan kaedah kajian yang bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai perlu dibuat dengan baik. Kajian ini mengaplikasikan tiga kaedah dalam mengumpul data, iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian (Mohd Majid Konting, 2005; Fraenkel & Walen, 2007). Soal selidik telah diedarkan kepada para responden untuk mendapatkan data pemilihan bahasa dan juga gambaran proses peralihan bahasa dalam masyarakat ini. Temu bual dengan beberapa orang responden dapat membantu memberikan gambaran sebenar kerana maklumat yang disampaikan terus daripada fikiran dan pendapat yang diberikan. Pemerhatian pula dibuat semasa sesi menjawab soal selidik dan temu bual sedang berlangsung, justeru itu, ia dapat menambah maklumat yang diperolehi semasa soal selidik dan temu bual dilakukan.

Penggunaan ketiga-tiga kaedah ini akan saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Pengukuhan daripada pengumpulan data melalui soal selidik boleh didapati melalui informan semasa temu bual dan seterusnya ia dapat disokong melalui teknik pemerhatian yang dilakukan. Penggunaan ketiga-tiga kaedah tersebut merupakan bahagian daripada proses triangulasi yang dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan meyakinkan tentang hasil kajian yang dilakukan (Mohd Majid Konting, 2005). Triangulasi membolehkan data-data yang tidak dapat dikumpul dengan satu kaedah akan dilengkapi dengan kaedah yang lain.

Boleh dikatakan, semasa sesi pengumpulan data dijalankan, kerjasama yang baik telah diberikan oleh masyarakat Orang Asli Che Wong. Untuk itu, seramai 40 orang responden telah diambil untuk dijadikan sebagai sumber maklumat dan mereka terdiri daripada beberapa peringkat umur serta jantina yang dibuat secara rawak. Walaupun terdapat kerjasama yang

baik oleh masyarakat bahasa ini, tetapi terdapat juga beberapa orang suku kaum Che Wong yang tidak mahu memberi kerjasama. Ini berkemungkinan besar kerana mereka sangat malu berhadapan dengan orang asing.

Dalam mengumpulkan data untuk melihat pemilihan bahasa dan juga kaitannya dengan proses peralihan bahasa, borang soal selidik yang diedarkan ini juga telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan dengan maklumat peribadi responden dan bahagian B pula merupakan soalan-soalan berhubung dengan pemilihan bahasa.

Penempatan masyarakat Orang Asli Che Wong terletak berhampiran dengan Pusat Konservasi Gajah yang dikelolakan oleh Jabatan Perhilitan Negeri Pahang, yang terletak di Kuala Gandah, Lancang, Pahang. Mereka dipimpin oleh ketua masyarakat mereka yang dikenali sebagai Tok Batin. Tok Batin yang mengetuai masyarakat Che Wong bernama Batin Ba' bin Raja Teng. Menurut Tok Batin Ba', Masyarakat Che Wong, dianggarkan hanya sekitar lebih kurang 400 hingga 500 orang sahaja suku yang masih wujud di seluruh semenanjung Malaysia. Mereka menetap di sekitar kawasan perhutanan di Kuala Gandah. Namun begitu, sudah terdapat sebanyak 45 buah keluarga yang menetap di kawasan penempatan yang dibina oleh kerajaan. Majoriti mereka yang menetap di situ terdiri daripada keluarga yang telah memeluk agama Islam.

Untuk data kajian ini, sebanyak 40 orang daripada masyarakat Orang Asli Che Wong terdiri daripada 12 orang lelaki dan 28 orang perempuan telah menjadi responden untuk kajian ini. Untuk mengkaji dan melihat pemilihan bahasa masyarakat ini, soal selidik, temu bual dan pemerhatian telah dijalankan. Mereka dipilih secara rawak dan juga terlibat dengan secara suka rela. Mereka mengisi soal selidik yang telah disediakan dan beberapa orang pula daripada mereka telah ditemubual. Berkaitan dengan jumlah responden, boleh dikatakan bilangan sampel kajian ini adalah memadai bagi sampel kajian keseluruhan masyarakat Orang Asli Che Wong yang bilangannya memang sedikit. Jadual 1 menunjukkan maklumat tentang jantina responden:

JADUAL 1: Jantina Responden

Jantina	Bilangan
Lelaki	12
Perempuan	28
Total	40

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada beberapa peringkat umur iaitu yang berumur antara 13-17 tahun, umur 18-25 tahun, umur 26-35 tahun seramai 4 orang, 36-45, umur 46-55 tahun dan mereka yang berumur 56 tahun ke atas. Kebanyakan responden yang terlibat telah ditemui semasa kajian dijalankan dari satu rumah ke satu rumah. Kesemua responden banyak 40 orang ini merupakan suku kaum Che Wong yang menetap di Kuala Gandah. Jadual yang berikut menunjukkan tingkat umur responden yang terlibat dalam kajian ini:

JADUAL 2: Tingkat Umur Responden

Tingkat Umur (tahun)	Bilangan
13-17	4
18-25	20
26-35	4
36-45	6
46-55	2
56 dan ke atas	4

---

Total 40

---

Maklumat berkaitan dengan tahap pendidikan responden juga diperoleh iaitu dibahagikan kepada tidak bersekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Seramai 28 orang responden mengakui tidak mempunyai pendidikan. Hal ini mungkin kerana mereka masih beranggapan pendidikan tidak penting kerana mereka boleh hidup dengan bergantung kepada hasil hutan dan bekerja sendiri. Selain itu, anak-anak mereka juga tidak mempunyai pendidikan kerana penempatan mereka terletak jauh di pedalaman atau dalam hutan, maka sukar mereka ke sekolah. Maka itulah masih terdapat masyarakat Orang Asli yang ketinggalan dalam mengejar pendidikan (Basir, 2008). Jadual 3 yang berikut merupakan paparan tentang tahap pendidikan responden:

JADUAL 3: Tahap Pendidikan Responden

<b>Tahap Pendidikan Responden</b>	<b>Bilangan</b>
Tidak Bersekolah	28
Sekolah Rendah	8
Sekolah Menengah	4
Total	40

Selain itu, kesemua responden berketurunan Che Wong. Hal ini kerana, terdapat pandangan daripada Tok Batin mereka bahawa suku kaum Che Wong pada suatu masa dahulu mereka tidak dibenarkan untuk berkahwin selain daripada suku kaum Che Wong. Keadaan ini dapat Ini bagi mengelakkan kaum mereka pupus atau bercampur dengan suku-suku kaum lain. Walaupun begitu, dalam zaman ini sudah ada antara kaum Che Wong yang berkahwin dengan suku kaum seperti Jahut dan Jakun. Malah ada juga yang berkahwin dengan suku kaum yang lain seperti Bidayuh. Jadual 4 menunjukkan maklumat tentang keturunan responden:

JADUAL 4 : Keturunan Responden

<b>Keturunan Responden</b>	<b>Bilangan</b>
Che Wong	40
Total	40

Jenis pekerjaan responden turut ditanyakan. Hasil analisis data mengikut pekerjaan responden yang sebanyak 40 orang, hanya dua orang daripada mereka adalah bekerja dengan kerajaan manakala 16 orang bekerja sendiri serta selebihnya adalah mereka yang tidak bekerja. Responden yang bekerja kerajaan merupakan mereka yang mempunyai pendidikan oleh itu mereka telah diterima bekerja dengan Jabatan Perhilitan di Pusat Konservasi Gajah. Sementara itu, mereka yang bekerja sendiri iaitu seramai 16 orang ini kebanyakannya bekerja memungut hasil hutan, menorah getah dan sebagainya. Manakala 22 orang responden yang tidak bekerja ini merupakan suri rumah sepenuh masa sahaja. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa kaum Che Wong masih bergantung kepada memungut hasil hutan dan seolah-olahnya tidak mementingkan pendidikan. Namun begitu, kebanyakan daripada mereka merasakan kehidupan mereka dalam keadaan selesa.

JADUAL 5: Pekerjaan Responden

<b>Pekerjaan Responden</b>	<b>Bilangan</b>
Belajar	0
Kerja di sektor kerajaan	2
Kerja di sektor swasta	0
Kerja sendiri	16
Tidak bekerja	22
Total	40

Melihat kepada keturunan responden, kesemuanya mengakui berketurunan Che Wong kerana dikatakan generasi terdahulu kaum mereka tidak digalakkan untuk berkahwin dengan kaum lain. Namun begitu, generasi Che Wong kini sudah mula berkahwin dengan kaum lain. Ini dapat dilihat dalam pasangan atau suami-isteri responden yang berkahwin dengan suku kaum lain. Menurut responden yang ditemui, majoriti daripada mereka iaitu seramai 28 orang suami atau isteri mereka adalah daripada suku kaum Che Wong. Manakala 6 orang lagi adalah mereka yang berasal daripada kaum Jakun, Jahut dan Bidayuh serta selebihnya iaitu seramai 6 orang responden masih belum mendirikan rumah tangga.

JADUAL 6: Suku Kaum Suami/isteri

<b>Suku Kaum Suami/Isteri Responden</b>	<b>Bilangan</b>
Jakun	2
Che Wong	28
Jahut	2
Bidayuh	2
Belum Berkahwin	6
Total	40

Mengikut dapatan kajian yang dilakukan, terdapat 12 orang responden telah menganut agama Islam. Terdapat juga responden yang menganut agama Kristian iaitu sebanyak 4 orang dan selebihnya iaitu sebanyak 24 orang responden mengakui mereka tidak menganut mana-mana agama.

JADUAL 7: Agama Responden

<b>Agama Responden</b>	<b>Bilangan</b>
Islam	12
Kristian	4
Tiada Agama (Animisme)	24
Total	40

Kesimpulannya, hasil daripada analisis sumber kajian ini, didapati bahawa kaum Che Wong ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Hal ini kerana mereka masih mengekalkan tradisi kaum mereka sebaik mungkin walaupun mereka terdedah dengan pengaruh daripada masyarakat luar dan sentiasa bergerak daripada satu tempat ke tempat yang lain. Hal ini menjadikan ia sebagai suatu hal yang positif kerana mereka dapat mengekalkan identiti dan bahasa kaum mereka.

## **PENGANALISISAN DAN PENGHURAIAN DATA**

Kaedah huraian deskriptif frekuensi digunakan untuk melihatkan kekerapan jawapan yang telah dipilih oleh responden. Data yang dianalisis dan dihuraikan menunjukkan pemilihan responden terhadap bahasa yang dipertuturkan dalam situasi tertentu berdasarkan domain yang telah dipilih dalam kajian yang dilakukan. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, beberapa faktor terhadap pemilihan bahasa oleh masyarakat Orang Asli Che Wong telah dapat dikenal pasti. Faktor-faktor tersebut juga turut disenaraikan.

### **Pemilihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, analisis dan perbincangan terhadap pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong dilihat melalui beberapa domain. Domain yang diberi perhatian termasuklah, domain keluarga, domain sosial yang berkaitan pemilihan bahasa dengan masyarakat sekeliling, pemilihan bahasa oleh masyarakat Che Wong di sekitar kawasan kajian dengan orang luar iaitu pemilihan bahasa mereka dengan masyarakat luar iaitu dengan masyarakat umum.

### **Pemilihan Bahasa Che Wong dalam Domain Keluarga**

Pemilihan bahasa dalam domain keluarga dilakukan untuk melihat penggunaan bahasa yang digunakan oleh Orang Asli suku kaum Che Wong ini bersama anggota keluarga mereka. Jadual yang berikut menunjukkan pemilihan bahasa Che Wong di rumah atau dengan ahli keluarga.

JADUAL 8: Pemilihan Bahasa Che Wong di Rumah atau dengan Ahli Keluarga

<b>Bahasa yang Dipilih</b>	<b>Berinteraksi di Rumah atau dengan Ahli Keluarga</b>
Bahasa Che Wong	34
Bahasa Melayu	2
Bahasa Che Wong & Bahasa Melayu	4
Total	40

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap kajian ini, didapati bahawa pemilihan bahasa oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong menunjukkan bahawa masyarakat ini masih lagi mengekalkan penggunaan bahasa mereka, terutamanya dalam domain keluarga. Masyarakat ini kelihatan lebih suka menggunakan bahasa Che Wong berbanding bahasa lain iaitu sebanyak 34 orang responden memberi tindak balas penggunaan bahasa Che Wong apabila bersama dengan kaum keluarga, berbanding dengan pemilihan bahasa-bahasa yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat percampuran penggunaan bahasa antara bahasa Melayu dan bahasa Che Wong iaitu sebanyak 4 orang menggunakannya. Manakala terdapat 2 orang responden menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya ketika berkomunikasi bersama kaum keluarga. Hal ini kerana suami mereka merupakan suku kaum Bidayuh dan Jakun.

### **Pemilihan Bahasa Che Wong dalam Masyarakat Sendiri**

Kajian ini turut melihat pemilihan bahasa masyarakat Che Wong dalam masyarakatnya sendiri. Data yang diperolehi dalam pemilihan bahasa yang digunakan ketika masyarakat Orang Asli Che Wong berkomunikasi dengan masyarakatnya sendiri dapat menentukan tahap keutuhan bahasa mereka kerana pengekalannya sesuatu bahasa dalam sesebuah masyarakat

bergantung kepada sejauh mana masyarakat bahasa itu menggunakan bahasa mereka, khususnya dalam masyarakat mereka sendiri. Oleh itu, kajian ini turut menanyakan kepada responden berkenaan pemilihan bahasa mereka semasa mereka berinteraksi dengan jiran dan kawan dalam masyarakat mereka sendiri.

### **Pemilihan Bahasa semasa Berinteraksi dengan Jiran dan Kawan**

Jiran tetangga atau rakan merupakan di antara ahli masyarakat yang dekat dengan responden. Semasa berinteraksi sesama jiran dan kawan, sudah pasti bahasa yang selesa digunakan oleh kedua-dua pihak menjadi pilihan dalam pertuturan. Untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pemilihan bahasa mereka dengan jiran dan kawan dalam masyarakat mereka, soalan berkaitan telah turut ditanyakan dan kesemua 40 orang responden memberikan jawapan terhadap pemilihan bahasa mereka.

JADUAL 9: Pemilihan Bahasa dengan Jiran dan Kawan sesama Che Wong

<b>Bahasa yang Dipilih</b>	<b>Berinteraksi dengan Jiran</b>	<b>Berinteraksi dengan Kawan</b>
Bahasa Che Wong	38	34
Bahasa Melayu	2	6
Bahasa Che Wong & Bahasa Melayu	40	40
Total	40	40

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap data yang diperoleh, didapati bahawa masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong masih menggunakan bahasa Che Wong kerana dalam pemilihan yang dilakukan, sebanyak 38 responden memilih untuk menggunakan bahasa Che Wong dalam interaksi sesama jiran. Walaupun masyarakat Che Wong ini boleh dikatakan terdedah dengan masyarakat luar, khususnya masyarakat Melayu, namun ternyata bahasa Che Wong masih kekal sebagai bahasa interaksi sesama mereka. Namun begitu, terdapat 2 orang responden yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Che Wong semasa berkomunikasi dalam masyarakat Orang Asli. Dalam berinteraksi sesama akan dalam masyarakat Orang Asli Che Wong, didapati penggunaan bahasa Che Wong masih tetap menjadi pilihan bahasa dalam berkomunikasi dan berinteraksi dengan rakan-rakan. Sebanyak 34 responden memilih untuk menggunakan bahasa Che Wong dan sebanyak 6 orang responden menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Che Wong ketika berkomunikasi. Walaupun terdapat percampuran bahasa Che Wong dan bahasa Melayu dalam interaksi dalam masyarakat Che Wong ini tetapi bahasa Che Wong masih lagi menjadi bahasa utama mereka. Hal ini, kerana masyarakat Orang Asli Che Wong masih mengekalkan bahasa mereka dalam kalangan masyarakat setempat. Keadaan ini menunjukkan tanda-tanda yang positif terhadap pengekalan bahasa mereka.

### **Penggunaan Bahasa Che Wong dengan Masyarakat Luar**

Untuk mendapatkan gambaran yang jelas akan pemilihan bahasa oleh masyarakat Orang Asli Che Wong ini, pemilihan bahasa semasa mereka berinteraksi dengan masyarakat luar dapat membuktikan sama ada terdapat satu bahasa yang dominan dalam pertuturan. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi pilihan responden semasa mereka berinteraksi dengan masyarakat luar iaitu yang bukan daripada suku kaum mereka.



JADUAL 10: Pemilihan dengan Bukan Orang Asli Che Wong

<b>Bahasa yang Dipilih/Situasi</b>	<b>Bercakap dengan Pegawai Kerajaan yang Bukan Orang Asli Che Wong</b>	<b>Bercakap dengan Orang Bukan Orang Asli Che Wong di kampung</b>
Bahasa Che Wong	2	2
Bahasa Melayu	36	32
Bahasa Che Wong dan bahasa Melayu	2	6
Total	40	40

Dapatan kajian terhadap pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong dengan orang luar menunjukkan bahasa masyarakat ini tahu menyesuaikan pemilihan bahasa mereka mengikut kesesuaian situasi berlangsungnya sesuatu interaksi atau pertuturan. Sebanyak 36 orang responden memilih untuk menggunakan bahasa Melayu ketika mereka berurusan dengan pegawai kerajaan sama ada yang datang ke tempat mereka atau mereka pergi membuat urusan di jabatan kerajaan. Situasi ini membuktikan bahasa majoriti masyarakat ini boleh berbahasa Melayu dan akan menggunakan bahasa Melayu dalam situasi yang sesuai. Sungguhpun begitu, terdapat juga responden yang menggunakan bahasa Che Wong dan juga gabungan antara kedua-dua bahasa tersebut semasa berkomunikasi dengan pegawai kerajaan yang terlibat dalam urusan yang dilakukan kerana terdapat juga pegawai kerajaan yang bukan Orang Asli Che Wong tetapi mampu dan menguasai bahasa Che Wong. Oleh itu, responden tersebut yang masing-masingnya sebanyak 2 orang menggunakan bahasa Che Wong sepenuhnya dan 2 orang juga menggabungkan bahasa Che Wong dan bahasa Melayu ketika bercakap dengan pegawai kerajaan yang bertugas.

Analisis yang dilakukan terhadap pemilihan bahasa yang dibuat oleh responden apabila mereka bercakap dengan orang bukan Orang Asli Che Wong di kampung mereka mendapati bahawa sebanyak 32 responden memilih untuk menggunakan bahasa Melayu, manakala 2 orang memilih bahasa Che Wong dan 6 orang lagi memilih untuk menggabungkan bahasa Melayu dan bahasa Che Wong semasa mereka bercakap atau berinteraksi dengan mereka yang bukan Orang Asli Che Wong. Hal ini, menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong tahu untuk membuat pilihan bahasa yang sesuai semasa mereka berkomunikasi kerana kebanyakan mereka menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan orang luar. Walaupun ada di antara mereka yang tidak berapa fasih dalam berbahasa Melayu tetapi mereka tetap memilih menggunakan bahasa tersebut ketika berkomunikasi dengan orang luar. Begitu juga responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Che Wong dan gabungan antara bahasa Melayu dan bahasa Che Wong dengan orang bukan Che Wong. Mereka mengatakan bahawa mereka mengenali mana-mana orang bukan Che Wong yang boleh berbahasa mereka. Mereka yang boleh berbahasa Che Wong terdiri daripada masyarakat setempat yang duduk berdekatan dengan perkampungan mereka atau mereka yang terlibat dengan masyarakat Che Wong secara langsung. Oleh kerana itu, responden lebih selesa dan suka menggunakan bahasa Che Wong dengan orang bukan Che Wong berbanding memilih bahasa Melayu semasa berinteraksi.

### **Pemilihan Bahasa dalam Acara Keagamaan**

Agama merupakan suatu sistem kehidupan yang khusus menghubungkan antara manusia dan penciptanya yang mana terangkum di dalamnya aspek-aspek kepercayaan, peribadatan dan tatacara kehidupan. Bahasa yang dipertuturkan menjadi alat untuk menjalankan kegiatan keagamaan dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, pemilihan sesuatu bahasa yang digunakan dalam sesebuah masyarakat bahasa mempunyai kaitan dengan agama

yang dianuti. Begitu juga dengan masyarakat Orang Asli Che Wong yang sudah mempunyai pegangan agama dan membuat pemilihan bahasa dalam acara keagamaan yang berlangsung.

JADUAL 11: Pemilihan Bahasa dalam Acara Keagamaan

<b>Bahasa yang Dipilih</b>	<b>Pemilihan Bahasa dalam Acara Keagamaan</b>
Bahasa Che wong	10
Bahasa Melayu	23
Bahasa Che Wong dan bahasa Melayu	7
Total	40

Majoriti responden memilih untuk menggunakan bahasa Melayu semasa acara keagamaan berlangsung dalam masyarakat mereka. 23 daripada responden memilih untuk menggunakan bahasa Melayu berbanding hanya 10 orang responden sahaja memilih untuk menggunakan bahasa Che Wong. Sementara 7 orang lagi responden menggabungkan bahasa Che Wong dengan bahasa Melayu. Ternyata pemilihan bahasa Melayu dalam acara keagamaan ini mempunyai kaitan dengan anutan agama masyarakat ini. Anutan agama oleh masyarakat sesebuah bangsa dapat dilihat melalui pemilihan bahasa yang digunakan, terutamanya dalam kegiatan atau acara yang melibatkan unsur keagamaan. Oleh itu ternyata bahawa peratusan yang tinggi dalam pemilihan terhadap bahasa Melayu oleh para responden membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli Che Wong dapat memilih bahasa yang sesuai dengan fungsi dan situasi.

#### **FAKTOR PENYEBAB PEMILIHAN BAHASA DALAM MASYARAKAT CHE WONG**

Terdapat beberapa faktor penyebab yang berkaitan dengan pemilihan bahasa dalam masyarakat Orang Asli Che Wong ketika berlangsungnya interaksi atau ketika mereka berkomunikasi. Hasil kajian yang dilakukan ke atas masyarakat ini mendapati beberapa faktor pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Che Wong, adalah seperti:

1. Pengaruh ahli keluarga masyarakat ini yang menggunakan bahasa Che Wong sebagai bahasa pertama kepada anak-anak mereka.
2. Pekerjaan ibu-bapa turut menjadi faktor pemilihan bahasa Che Wong yang lebih dominan kerana kebanyakan daripada ibu responden merupakan suri rumah tangga dan bapa pula kebanyakannya bekeja sendiri. Oleh itu, pendedahan terhadap bahasa asing agak terhad.
3. Pengaruh persekitaran juga merupakan faktor pemilihan bahasa masyarakat Che Wong kerana lokasi tempat tinggal mereka berdekatan dengan masyarakat Melayu. Dengan itu, secara tidak langsung masyarakat Che Wong boleh berbahasa Melayu dan memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dengan masyarakat luar. Bagi anak-anak atau generasi muda mereka, pendedahan selain daripada bahasa Che Wong diperolehi di sekolah. Namun begitu, terdapat masyarakat setempat yang boleh berbahasa Che Wong dan Orang Asli Che Wong memilih untuk berbahasa Che Wong dengan mereka berbanding menggunakan bahasa Melayu.
4. Perkahwinan sesama kelompok sendiri merupakan antara faktor penyebab pilihan bahasa Che Wong menjadi keutamaan dalam berkomunikasi kerana kebanyakan ahli masyarakat ini masih mengamalkan kepercayaan dan kebudayaan mereka yang melarang untuk berkahwin dengan kaum lain. Sungguhpun tidak banyak tetapi ada ahli masyarakat Che Wong yang berkahwin dengan kaum lain terutamanya generasi muda.

## KESIMPULAN

Kajian yang dilakukan terhadap pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong ini mendapati bahawa masyarakat Che Wong ini memilih untuk menggunakan bahasa Che Wong sebagai bahasa pertuturan mereka. Walaupun masyarakat ini merupakan golongan minority yang berada dalam lingkungan masyarakat yang dominan berbahasa Melayu, namun mereka tetap kuat dengan bahasa dan budaya mereka. Pemilihan bahasa yang lebih kepada bahasa Che Wong membuktikan bahawa masyarakat ini, walaupun bilangannya kecil tetapi masih mempertahankan bahasa mereka.

Sungguhpun bahasa Che Wong merupakan bahasa pilihan masyarakat ini, namun bahasa Melayu tidak terus dipinggirkan kerana masyarakat Orang Asli Che Wong ini tahu membuat pemilihan bahasa mengikut fungsi dan situasi. Masyarakat ini terdedah dengan bahasa Melayu oleh masyarakat sekeliling dan juga melalui pendidikan di sekolah. Selain itu, terdapat juga masyarakat Orang Asli yang bekerja dengan kerajaan dan di sektor wasta berbanding dengan sebilangan besar yang masih tinggal di hutan dan bergantung pada hasil pertanian seperti menoreh getah, bercucuk tanam dan sebagainya. Oleh itu, bahasa Melayu tetap menjadi pilihan dalam berkomunikasi tetapi bahasa Che Wong dipilih menjadi bahasa utama masyarakat ini. Oleh itu, masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong sudah pasti dapat mengekalkan bahasa dan identiti bangsa mereka dengan pemilihan bahasa Che Wong dalam situasi pertuturan dalam kalangan mereka.

## RUJUKAN

- Eckert, P. 1997. Age as a Sociolinguistic Variable. Dlm. F. Coulmas (Peny.) *The Handbook of Sociolinguistics*. Oxford: Blackwell, hlm. 151-167.
- Er Ah Choy, Zalina Che Mat Ariffin & Joy Jacqueline Pereira. 2010. Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli: Kajian kes di hutan simpan bukit Lagong, Selangor Malaysia. *Jurnal Melayu* (5), 295-314.
- Fishman, J. A. 1965. Who speaks what language to whom and when? *Linguistique* 2, 67-88.
- Fishman, J., R. Cooper, & R. Ma 1971. *Bilingualism in the Barrio*. Bloomington: Indiana University Press.
- Fraenkel, JR. & Wallen, N.E. 2007. *How to design and evaluate reseach in education* (6th). Singapore: McGraw Hill.
- Gal, S. 1979. *Language Shift: Social determinants of linguistic change in bilingual Austria*. New York: Academic Press.
- JHEOA. 2003. *Pelan tindakan pembangunan pendidikan Orang Asli*. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia.
- JHEOA. 2010. *Perangkaan pelajar Orang Asli negeri Johor tahun 2010*. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia.
- Li Wei 1994. *Three generations, two languages, one family: Language choice and language shift in a Chinese community in Britain*. Clevedon: Multilingual Matters LTD.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketujuh.
- Rubin, J. 1968. Biligual usage in Paraguay. Dlm. J. A. Fishman (Peny.) *Reading in the Sociology of Language*. The Hague: Mouton, hlm. 512-530.
- Sa'adiah Ma'alip & Teo Kok Seong. 2012. Sikap bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong di Kuala Gandah. Prosiding, Kolokium Siswazah ATMA. November.
- Weinreich, U. 1953. *Languages in contact: Findings and problems*. New York: Publications of Linguistic Circle of New York Number 1.

**Biodata Penulis:**

**Sa'adiah Ma'alip**

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau tertumpu kepada masyarakat bahasa minoriti, khususnya bahasa-bahasa yang mengalami kepupusan seperti bahasa Narum di Sarawak dan bahasa Orang Asli Che Wong di Pahang.